

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 29.11.2024 MASA: 04.30PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL
HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM GOTONG-ROYONG
MEGA 2024 DAERAH SEBERANG PERAI UTARA DI
DEWAN KOMUNITI SHAHBANDAR, TAMAN BERTAM
PERDANA 3, SEBERANG PERAI UTARA**

TARIKH / MASA / TEMPAT

30 NOVEMBER 2024 (SABTU)

8.30 PAGI

**DEWAN KOMUNITI SHAHBANDAR
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Encik Zainuddin Bin Mohamed

Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Pengerusi Program

Gotong-Royong Mega 2024

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam **Majlis Perasmian Program Gotong-Royong Mega 2024 Daerah Seberang Perai Utara di Dewan Komuniti Shahbandar, Taman Bertam Perdana 3, Seberang Perai Utara** pada pagi yang mulia dan barakah ini.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati Encik Zainuddin Bin Mohamed, Ahli Majlis MBSP yang memainkan peranan sebagai penyelar program bersama-sama dengan MBSP.
3. Tidak lupa juga kepada Yang Dihormati Encik Ooi Yong Wooi, Ahli Majlis MBSP; warga kerja MBSP khususnya Wira Oren; sukarelawan yang terdiri daripada Pelajar UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam; penduduk setempat dan pihak-pihak terlibat yang turut mengambil bahagian dalam Program Gotong Royong Mega ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini, di hujung minggu, mencerminkan kesungguhan dan komitmen yang padu, serta semangat berpasukan dan sekaligus memupuk semangat cintakan kehijauan bagi melakukan pembersihan kawasan sekitar.

4. Program Gotong-Royong Mega 2024 pada hari ini akan dilaksanakan di kawasan taman perumahan di kawasan Shahbandar Taman Bertam Perdana 3, Kepala Batas. Ini merupakan usahasama di antara kontraktor-kontraktor pembersihan yang dilantik oleh MBSP, penduduk setempat dan Wira Oren MBSP sendiri, dalam usaha melestarikan alam sekitar, mendidik masyarakat tentang kepentingan memelihara kebersihan persekitaran serta memberi kesedaran bahawa dengan program seumpama ini dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan penduduk setempat.
5. Program Gotong-Royong Mega 2024 telah julung kalinya diadakan pada 30 Jun 2024 yang lalu di dua (2) kawasan serentak iaitu di Taman Puteri Gunung dan Taman Seruling Emas, Seberang Perai Selatan. Hari ini Program Gotong Royong Mega akan diadakan serentak di tiga (3) lokasi iaitu Taman Bertam Perdana 3, Seberang Perai Utara; Taman Tenggara, Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah dan Taman Sinar Indah, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan.
6. Program sebegini adalah salah satu inisiatif strategik MBSP melalui Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP dalam memantapkan pembersihan bandar khususnya di seluruh kawasan Seberang Perai. Berdasarkan statistik kutipan sampah sepanjang Program Gotong-Royong Mega ini berlangsung, sebanyak 705.85 tan sampah telah berjaya dikutip hasil daripada usaha semua pihak termasuk penduduk sendiri.

7. Melihatkan kejayaan Program-Program Gotong-Royong Mega ini, MBSP akan terus menganjurkan program ini di 15 buah lokasi lagi di seluruh kawasan Seberang Perai sehingga penghujung tahun 2024, iaitu pada setiap hari Sabtu.
8. Program Gotong-Royong Mega ini bukan sekadar satu aktiviti, tetapi juga membuka ruang untuk memperbaiki dan memperkukuhkan komuniti secara keseluruhan, di samping dapat meningkatkan kualiti dan kebersihan persekitaran serta menambahbaik kemudahan infrastruktur di kawasan setempat. Tinggi harapan saya, agar program sebegini dijadikan wadah permulaan semangat cintakan kebersihan di kalangan penduduk Seberang Perai dan budaya kesepakatan menjaga alam sekitar ini sentiasa diamalkan.
9. Tahniah dan Syabas saya ucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP dan semua yang terlibat dalam menjayakan program ini menjadikan kempen ini menjadi kenyataan.
10. Akhir kata, saya bagi pihak MBSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan program pada hari ini dan membantu MBSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami.
11. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmaanirrahim***, sukacitanya saya merasmikan **Program Gotong-Royong Mega 2024 Daerah**

Seberang Perai Utara di Dewan Komuniti Shahbandar, Taman Bertam Perdana 3, Seberang Perai Utara.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.